

Defuzin-B Cream

Fusidic Acid 2% w/w and Betamethasone 0.1% w/w (as Betamethasone 17-Valerate)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Defuzin-B Cream*
2. Bagaimana *Defuzin-B Cream* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Defuzin-B Cream*
4. Cara menggunakan *Defuzin-B Cream*
5. Semasa menggunakan *Defuzin-B Cream*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Defuzin-B Cream*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Defuzin-B Cream*

Fusidic-Betamethasone Cream digunakan untuk merawat keradangan kulit dan jangkitan kulit yang disebabkan oleh kuman (bakteria).

Bagaimana *Defuzin-B Cream* berfungsi

Fusidic acid ialah antibiotik yang berfungsi untuk membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan jangkitan. Betamethasone ialah kortikosteroid yang mengurangkan kebengkakan, kemerahan dan kegatalan kulit.

Sebelum menggunakan *Defuzin-B Cream*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna ubat ini jika anda sensitif (hypersensitiviti) terhadap fusidic acid, atau betamethasone dan bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau menyusukan, sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

- Sebelum menggunakan *Defuzin-B Cream*

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan *Defuzin-B Cream* jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- mempunyai alergi (alahan) pada fusidic acid atau bahan kandungan lain

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Defuzin-B Cream*

- Berapa banyak harus digunakan

Luka terdedah: 2-3 kali sehari.

Luka tertutup: Penggunaan yang kurang kerap adalah mencukupi.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Alergi (hypersensitiviti) mungkin berlaku jika anda sensitif terhadap fusidic acid atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

Bahaya adalah kurang jika anda menyapu krim yang berlebihan atau tertelan krim dalam kuantiti yang kecil.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Defuzin-B Cream*

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini. Sapu krim ini perlahan pada kulit dan kawasan berjangkit.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Defuzin-B Cream*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Krim ini adalah untuk sapuan kulit sahaja. Jangan telan ubat ini.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Defuzin-B Cream* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa menyapu pada kawasan berdekatan mata. Glaukoma akan berlaku jika krim termasuk dalam mata.

Kesan-kesan sampingan

- Alergi seperti ruam and iritasi.
- Perubahan keadaan kulit seperti penipisan kulit dan pengembangan saluran darah yang berdekatan dengan permukaan kulit.

Seperti ubat-ubatan lain, *Defuzin-B Cream* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Consumers -> Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Defuzin-B Cream

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dan bertekstur licin serta seragam yang diisi dalam tiub 15g dan 5g.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- Fusidic Acid 2% w/w and Betamethasone 0.1% w/w (as Betamethasone 17-Valerate).
- Bahan tidak aktif
- Cetostearyl Alcohol, Propyl and Methyl Parabens, Purified Water, Liquid Paraffin, Macrogol Cetostearyl Ether, Citric Acid Anhydrous, Sodium Citrate, Butylated Hydroxyanisole.

- Nombor MAL

MAL11105005AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

01/04/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)191224/312